

09/12/2001

Stoddart umum KL Minardi Asiatech

Kadir Dikoh

PASUKAN Formula Satu yang beroperasi di Itali, Minardi menukar namanya kepada "KL Minardi Asiatech" untuk musim 2002 bagi memperkukuhkan hubungannya dengan Malaysia dalam mempromosikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya dunia.

Pengumuman pertukaran nama itu dibuat setelah pemilik pasukan F1 Minardi, Paul Stoddart (gambar) mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya semalam.

Perdana Menteri berkata, langkah itu adalah sebahagian daripada strategi untuk mempromosikan Malaysia kepada dunia, dengan ibu negara sebagai pintu masuk dan sukan bermotor sebagai landasan utama.

"Kita sudah menikmati kejayaan besar dalam membina kesedaran dan imej negara kita melalui pelbagai program berkaitan perlumbaan sejak 1995. Kini kita mengalih kepada sukan bermotor sekali lagi untuk membantu secara terus pembangunan pelaburan dengan mewujudkan landasan bagi syarikat Malaysia, destinasi dan acara untuk mencapai pelanggan berpotensi di dunia ini," katanya dalam satu kenyataan selepas pertemuan itu.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein mengumumkan penukaran nama pasukan itu kepada "KL Minardi Asiatech" dalam sidang akhbar selepas pertemuan dengan Perdana Menteri.

Hishammuddin berkata, penukaran nama itu adalah keputusan yang dibuat oleh pihak Minardi sendiri.

Stoddart yang hadir sama dalam sidang akhbar itu berkata imej baru pasukan akan dilancarkan di Kuala Lumpur bulan depan diikuti dengan memperkenalkan kereta baru F1 yang akan digunakan untuk musim baru pada Februari depan.

Beliau juga mengesahkan pemandu F1 pertama Malaysia Alex Yoong akan menyertai musim penuhnya dengan pasukan itu tahun depan.

Selain imej dan mesin baru yang akan diperkenalkan awal tahun depan, Stoddart juga berkata mereka akan membantu Malaysia mencari dan mencungkil bakat tempatan menjadi pemandu F1 yang berjaya pada masa akan datang.

Beliau berkata, pihaknya akan bekerja di bawah program itu untuk selama empat tahun dan berkongsi bagi membolehkan anak-anak muda melihat bakat mereka dalam perlumbaan F1.

"Mungkin sekarang mereka tidak mempunyai peluang tetapi kita mempunyai program bagi menentukan mereka diberi peluang," katanya.

Katanya, sebuah sekolah memandu F1 untuk mereka yang berbakat akan ditubuhkan di negara ini kerana litar F1 Sepang, yang akan dibeli oleh Petronas, mempunyai kemudahan dan kepakaran dari Jepun dan Eropah.

Mengenai Alex Yoong yang menyertai tiga perlumbaan dengan Minardi musim lalu, Stoddart berkata pemandu Malaysia itu sudah mengikuti program latihan dan akan lebih bersedia untuk musim baru nanti.

(END)